MERAIKAN ULANG TAHUN KE-50 KAMI DAN BERSEDIA UNTUK MASA HADAPAN PENJAGAAN

Sedgwick memulakan tahun 2019 dengan banyak pencapaian yang boleh dibanggakan, termasuk meraikan 50 tahun dalam perniagaan. Pengalaman kami bekerjasama dengan organisasi terkemuka di dunia telah terbukti bermanfaat dalam menyediakan perkhidmatan boleh suai yang berupaya menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh para pelanggan sekarang. Penyelesaian risiko, manfaat dan perniagaan bersepadu kami bertumpu kepada mengurangkan risiko dan kerugian, memastikan pekerja serta organisasi kekal sihat dan produktif, melindungi reputasi jenama dan mengawal kos.

Dengan pengalaman selama 50 tahun, para pelanggan boleh bergantung kepada kami untuk menyediakan penyelesaian dan kepakaran yang diperlukan oleh mereka. Untuk memastikan kami menyediakan perkhidmatan yang sebaik mungkin, pasukan kami kekal di hadapan arah aliran industri yang mempengaruhi perniagaan. Para peneraju pemikiran Sedgwick percaya mengikuti arah aliran dan perubahan yang berkembang adalah penting pada tahun 2019. Kami akan terus memantaunya sepanjang tahun dan membantu pelanggan kami bersedia untuk masa hadapan.

BERSEDIA UNTUK RISIKO YANG AKAN MUNCUL

MERANCANG BAGI YANG LUAR JANGKAAN – Ia akan kekal penting bagi perniagaan dan pemilik hartanah untuk mempunyai rancangan pemulihan bencana yang merangkumi sumber "atas permintaan" ("on-demand") yang berpengalaman dan dapat bergerak balas dengan cepat terhadap peristiwa yang berkaitan dengan cuaca, bencana alam semula jadi dan buatan manusia termasuk peristiwa siber. Apabila kerosakan berlaku, mengenal pasti punca dan sumber - melalui penyiasatan, penilaian dan ujian - boleh membantu menentukan tanggungjawab dan kos.

MEMAHAMI IMPAK EKONOMI PERKONGSIAN DALAM TENAGA KERJA – Dengan perkongsian antara pengguna, pelbagai pertukaran harta benda, kemahiran, tenaga kerja dan ruang kerja, ini akan mendatangkan risiko. Ekonomi perkongsian boleh menawarkan kemudahan dan manfaat, tetapi apabila ia berkembang, kebimbangan liabiliti dan risiko pengguna lain juga turut berkembang dengannya.

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERUBAHAN GENERASI – Bilangan generasi millennial baru-baru ini telah mengatasi pekerja yang lebih tua dan lebih banyak generasi Z menyertai tenaga kerja. Dalam tempoh peralihan ini, majikan mesti membina program kembali ke tempat kerja (return-to-work) yang inovatif untuk menampung lima generasi. Proses automasi robotik juga terus memberi kesan kepada latihan, keselamatan dan tugas pekerjaan. Apabila pekerjaan berkembang, majikan harus memastikan program kembali ke tempat kerja merangkumi huraian kerja semasa dan sebarang jawatan tugas diubah suai yang tersedia dalam syarikat atau pilihan penempatan kerja peralihan dengan organisasi komuniti bukan untung.

MENERIMA DENGAN TANGAN TERBUKA TEKNOLOGI PERINGKAT YANG SETERUSNYA

MEMASTIKAN KESELAMATAN DATA – Risiko siber akan berlanjutan dengan pertumbuhan teknologi yang berterusan. Keselamatan data tetap menjadi keutamaan bagi perniagaan. Ia menjadi lebih penting untuk bekerja dengan syarikat yang mengutamakan perlindungan data dan komited untuk melindungi dan mengekalkan kerahsiaan dan integriti data, termasuk memastikan pematuhan kepada Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR, General Data Protection Regulation).

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN – Pilihan teknologi khusus seperti peralatan pengurusan tuntutan layan diri dan program teleperubatan, telePT dan jururawat pembedahan akan terus berkembang. Peralatan ini menyediakan sumber yang bernilai dan membantu pekerja yang cedera mengambil langkah untuk memperbaiki pemulihan mereka dan kekal terlibat dalam proses tuntutan. Protokol tambahan, seperti fleksibiliti untuk keutamaan komunikasi generasi yang berbeza, akan membantu memastikan kesesuaian dalam semua isu dan meringkaskan jargon industri.

MENAMBAH BAIK PELARASAN KERUGIAN DENGAN TEKNOLOGI – Kecerdasan buatan, aplikasi mudah alih, dron, pemetaan geo, pengimbasan digital 3D dan keupayaan penstriman video akan terus memberi kelebihan kepada pelarasan kerugian harta benda. Peralatan ini menyediakan data dan imej masa sebenar yang penting di mana ia meningkatkan proses keseluruhan dan pengalaman pengguna.

MARA KE HADAPAN DENGAN STRATEGI PENJAGAAN KESIHATAN BAHARU

MENYESUAIKAN PERJALANAN PEMULIHAN – Pelaporan awal tentang kecederaan di tempat kerja adalah penting, tetapi apa yang terjadi selanjutnya akan tetap menjadi cabaran sementara para majikan mencari penjagaan terbaik bagi pekerja mereka. Mewujudkan laluan penjagaan yang betul, sumber yang sesuai dan menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan terhubung kekal penting. Walau bagaimanapun, fokus tahun ini beralih kepada kemudahan akses dan pilihan tambahan - seperti pilihan pengangkutan atas permintaan, akses penyedia yang berasaskan web dan peralatan sokongan layan diri - untuk meningkatkan pengalaman pekerja dan menambah baik kesihatan dan kembali ke tempat kerja.

MEMAJUKAN PENJAGAAN BERDASARKAN NILAI – Model penyampaian penjagaan kesihatan terus beralih daripada berasaskan jumlah kepada berasaskan nilai, memberikan lebih tumpuan kepada kesihatan dan kesejahteraan setiap pesakit. Untuk memastikan model ini berjaya, pengurus risiko mesti mendidik kakitangan penjagaan kesihatan dan membantu mereka melaksanakan, mempromosi dan mengekalkan strategi untuk mencapai matlamat keselamatan.

MENANGANI KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA – Beberapa isu psikososial boleh menjejaskan keupayaan dan tahap produktiviti. Tanpa rawatan yang lebih baik, dunia dijangka kehilangan hari kerja sebanyak 12 bilion kepada gangguan kemurungan dan keresahan menjelang tahun 2030.* Usaha untuk mengurangkan stigma di tempat kerja, mendapatkan penjagaan yang diperlukan oleh pekerja dan mengukuhkan inisiatif kesihatan akan terus menjadi keutamaan pada masa akan datang.

MELUASKAN KEPAKARAN TUNTUTAN MENGIKUT PERUBAHAN KEPERLUAN

MENGURUSKAN LIABILITI PRODUK DAN RISIKO PENARIKAN BALIK – Isu dengan kualiti produk boleh merosakkan jenama syarikat dan mengurangkan keuntungan jika tidak dikendalikan dengan betul dan dengan mempertimbangkan pengurusan jenama. Ia kekal penting bagi perniagaan untuk memilih rakan kongsi yang dapat memastikan pendekatan yang konsisten dan fokus pada pelanggan untuk menangani isu-isu ini.

MEMBANGUNKAN PASUKAN TUNTUTAN YANG MAHIR – Menarik perhatian dan mengekalkan golongan profesional yang pakar dalam tuntutan akan terus menjadi keutamaan bagi industri kami. Selain membangunkan pengetahuan teknikal bagi tuntutan, terdapat keperluan pendidikan baharu yang mendalam yang berkaitan dengan perubahan peraturan dan perundangan yang berterusan, kesan kerugian terhadap reputasi jenama pelanggan dan kesetiaan pelanggan, penggunaan peralatan tuntutan layan diri dan menyesuaikan protokol komunikasi yang paling sesuai dengan keperluan pengguna.

MEMAHAMI MANFAAT PROGRAM KETIDAKUPAYAAN YANG BERSEPADU – Dengan tumpuan yang berterusan ke atas pengalaman pekerja, lebih ramai majikan ingin menggabungkan program mereka untuk menyediakan perkhidmatan yang lancar. Kami menyaksikan kemunculan keperluan baharu untuk menangani proses pematuhan global serta manfaat memahami peraturan percutian dan ketidakupayaan yang berubah dengan cepat di seluruh dunia. Di sesetengah kawasan, manfaat cuti berbayar dan tidak dibayar menjadi lebih lazim; majikan mesti bersedia untuk menyokong tuntutan yang semakin meningkat dan mewujudkan dasar untuk membantu pekerja menjaga diri mereka sendiri dan keluarga mereka.

©2019 Sedgwick

* World Health Organization: Scaling-up treatment of depression and anxiety: a global return on investment analysis. https://www.who.int/mental_health/advocacy/investment_paper_lancet_psychiatry_final.pdf